



(<https://sriummah.com/my/>)

Utama (<https://sriummah.com/my/>)

Profil

Cawangan

Takwim (<https://sriummah.com/my/takwim/>)

DAFTAR SEKARANG! (/MY/DAFTAR)



SEJARAH SEKOLAH

Penubuhan Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi

Sekolah Rendah Islam Ummah (SRI Ummah) telah ditubuhkan pada tahun 1985 di kampung Teras Jernang, Bandar Baru Bangi dengan bilangan penuntutnya 10 orang sahaja dan seorang tenaga pengajar. Ianya ditubuhkan atas idea Dr. Abdul Halim Muhammad (beliau pada masa itu merupakan Ketua Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah di Fakulti Pengajian Islam UKM). Pada awal penubuhan, sekolah ini diberi nama Kelas Tahfiz. Kemudian ditukar nama kepada Kelas Tahfiz Ummah. SRI Ummah diwujudkan sebagai satu program pendidikan lanjutan selepas program pendidikan pra sekolah (TASKA/TADIKA). Ia bertujuan menampung keperluan asas pendidikan Islam anak-anak ahli keluarga dan masyarakat. Program yang dibangunkan memberi penekanan yang khusus kepada pembacaan dan penghafalan Al-Quran serta penghayatannya, di samping pengajaran ilmu asas Fardu Ain yang lain termasuk pendidikan Teras Islam, Bahasa Arab, Tafsir, Hadith, Sirah dan sebagainya.

Pada tahun 1989 SRI Ummah mula berkembang ke kawasan perumahan yang sedang pesat membangun di Bandar Baru Bangi. Sebuah sekolah dibuka di rumah no. 22, Jalan 2/2B di Seksyen 2 dan diberi nama Madrasah Ummah Damai. Pada tahun 1992, sebuah sekolah lagi dibuka di lot kedai no. 2, Jalan 1/7E, di Seksyen 1 dan diberi nama Madrasah Ummah AnNur. Nama-nama sekolah diambil sempena nama surau atau masjid yang berdekatan dengan sekolah.

Pada tahun 1995, dua buah sekolah lagi dibuka iaitu Madrasah Ummah Madani di rumah no. 3, Jalan 3/2H, Seksyen 3 dan Madrasah Ummah Kauthar di no. 11A, Jalan 4/A, Seksyen 4. Kemudian pada tahun 2001 sebuah lagi sekolah dibuka iaitu Madrasah Ummah Ikhlas yang beralamat di no. 6, Jalan 4/12F, Seksyen 4 Tambahan. Seterusnya pada tahun 2003, dua lagi sekolah dibuka, iaitu Madrasah Ummah Abrar di no. 55, Jalan 7/3D, Seksyen 7 dan Madrasah Ummah Ikhwan di no. 24, Jalan 5C/5, Seksyen 5. Pada tahun 2004 dua lagi sekolah dibuka iaitu Madrasah Ummah Ehsan di bangunan lama Surau Al Ehsan, Jalan 2/4D di Seksyen 2, dan Madrasah Ummah Amirin di Surau Al Amirin, Jalan 4/9C. Madrasah Ummah Hasanah kemudiannya dibuka di Sekyen 8 di no. 209, Jalan 8/3 untuk menampung permintaan penduduk di kawasan tersebut.

MOTO SEKOLAH

Ke arah pembentukan generasi Al-Quran



(<https://sriummah.com/my/>)

Utama (<https://sriummah.com/my/>)

Profil

Cawangan


Takwim (<https://sriummah.com/my/takwim/>)

DAFTAR SEKARANG! (/MY/DAFTAR)



VISI SEKOLAH

Mewujudkan rangkaian pusat pendidikan kelas tahfiz yang unik, cemerlang dan terbilang.



MISI SEKOLAH

- Membangunkan kurikulum tarbiyyah yang lengkap dan seimbang di peringkat 7-12 tahun dalam membina generasi khayra ummah.
- Membangun dan menyelaraskan pusat pendidikan SRI Ummah yang berkualiti berasaskan nilai kasih sayang, amal jama'iy, harmonis dan semangat perjuangan yang kental dalam kalangan murid, guru dan pengurusan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan pentadbiran dan kewangan yang mantap serta berkesan sebagai asas kejayaan visi.

Kaedah Pengajaran Al Quran dan Asas Agama

Pelaksanaan program



(<https://sriummah.com/my/>)

Bagi mengatasi keperluan tempat dan untuk membuka ruang sebanyak mungkin kepada ibu bapa dalam menyelesaikan keperluan pendidikan Al Quran dan asas agama kepada anak-anak. SRI Umamah menggunakan pengalaman masyarakat tradisional dalam pendekatannya untuk pengajaran Al Quran dan asas agama.

Utama (<https://sriummah.com/my/>) **Profail** **Cawangan** **Takwim** (<https://sriummah.com/my/takwim/>)

DAFTAR SEKARANG! (/MY/DAFTAR)

Pengajaran Al Quran berasaskan Sunnah (5M)

Bagi memastikan Al Quran dipelajari dengan lebih berkesan, pelajar dilatih dengan 5 kemahiran iaitu kemahiran membaca, menghafal, menulis, memahami dan menghayati (5M). Pendekatan yang menyeluruh terhadap Al Quran membantu pelajar mempelajari dan memahami Al Quran dengan lebih cepat dan menggalakkan mereka berinteraksi dengan Al Quran secara lebih kerap.

Pendekatan Pengajaran

Al Quran adalah bahasa. Pendekatan pengajian bahasa diterapkan dalam memastikan keberkesanan pendidikan Al Quran. Kaedah ini mudah bagi pelajar untuk menerimanya kerana ia ada keseragamannya dengan pengajian bahasa di sekolah iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris. Ia mesti dibaca, diingati, ditulis, difaham dan diamalkan.

Asas Fardu Ain dan Sirah berasaskan Al Quran

Untuk memahami dan menghayati intipati Al Quran, maka pelajaran Akidah, Fiqh, Akhlak dan Sirah Rasulullah S.A.W mesti merujuk Al Quran secara langsung. Ia akan lebih berkesan kerana barulah dapat dirasakan bahawa semua suruhan agama itu datangnya dari Al Quran.

TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Amali dalam Penghayatan

Bagi membolehkan pelajar menghayati idea-idea dan adab-adab yang terdapat dalam Al Quran, pembinaan kemahiran penghayatannya perlu diberikan secara khusus. Dengan itu ia dapat memberi kesan yang lebih mendalam kepada pelajar dari segi pemahaman dan pembinaan peribadi mereka.

Tempat belajar di rumah/ pusat mengaji

Masyarakat kampung menjadikan rumah kediaman sebagai tempat mempelajari Al Quran dan asas agama. Dalam sebuah kampung yang penduduknya ada beberapa puluh buah rumah, terdapat sebuah rumah yang dijadikan pusat pengajian. Disebabkan lokasi pusat pengajian yang berdekatan dengan rumah penduduk sekitarnya, anak-anak boleh berjalan kaki atau menaiki basikal ke pusat pengajian. Pendekatan begini memudahkan ibu bapa dalam menguruskan anak-anak dan juga dapat menjimatkan perbelanjaan kenderaan.



(<https://sriummah.com/>)

Penggunaan Kurikulum JAIS sebagai Pelengkap

Utama (<https://sriummah.com/my/>)

Profail

Cawangan

Takwim (<https://sriummah.com/my/takwim/>)

DAFTAR SEKARANG! (MY/DAFTAR)

Kurikulum SRI Ummah dalam pengajaran di SRI Ummah adalah Kurikulum ABIM. Kurikulum JAIS juga digunakan untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu agama yang dikemukakan oleh JAIS dan untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan yang disediakan oleh JAIS.

Umur Pelajar dan Masa Belajar

Pelajar boleh mula menyertai pengajian di SRI Ummah pada umur 7 tahun. Pengajian yang lengkap tamat selepas tempoh 6 tahun. Masa belajar bagi program ini ialah 3 jam sehari selama 5 hari seminggu, sama ada pada sesi pagi atau petang.

OBJEKTIF SEKOLAH

Melatih pelajar kemahiran Al-Quran dalam aspek-aspek bacaan, hafalan, kefahaman dan penghayatan

Melahirkan pelajar yang bersahsiah dan berakhlak mulia serta mengamalkan budaya Islam dalam kehidupan mereka (Ibadah, adab sopan dan perhubungan).

Melatih pelajar supaya berdisiplin mengikut disiplin Al-Quran, As-Sunnah dan Sirah.

Mendidik pelajar ke arah melakukan ibadah fardhu dan sunat serta perkara-perkara yang berkaitan dengan betul.

Melatih pelajar supaya dapat menyeimbangkan kehidupan mereka dari segi tuntutan kerohanian dengan kemahiran (Fardu Ain & Fardu Kifayah).

Melatih pelajar supaya mahir jawi dan Bahasa Arab.



(<https://sriummah.com/my/>)

Utama (<https://sriummah.com/my/>) **Profail** **Cawangan** **Takwim** (<https://sriummah.com/my/takwim/>)

DAFTAR SEKARANG! (/MY/DAFTAR)

Pejabat Urusan 8.30 am - 5.00 pm

No 9 Jalan 1/4, Seksyen 1, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor

Tel: 03 - 89258486

Fax: 03- 82107253

Emel:

(<mailto:sriummahbbb@gmail.com>) (pentadbiran@sriummah.com)

(<mailto:pentadbiran@sriummah.com>)

© 2022 SRI Ummah Bandar Baru Bangi.